

**Bagaimana Saya Menjana **RM436,000**  
Dalam Masa Setahun Atas Angin Tanpa  
Sebarang Modal!**

**FORMULA**

**TSUNAMI  
WANG**

**LUAR BIASA**

**Versi 3.2**

**Oleh Akmal Ariff**

**CETAKAN TERHAD**

## **FORMULA TSUNAMI WANG LUAR BIASA VERSI 3.2**

Copyright © 2005 oleh **Success Streams Education**  
Hakcipta Terpelihara

Tiada sebarang bahagian di dalam buku panduan ini boleh di cetak kembali, di pindah milik dalam apa jua format sama ada elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, imbasan atau sebarang sistem simpanan, tanpa kebenaran bertulis dari pihak penerbit kecuali bagi tujuan ulasan.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau komen mengenai buku ini, sila tulis kepada pihak Penerbit dan Pengedar.

# ISI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKASURAT
<b>PRAKATA</b>	<b>Sepatah Dua Kata Dari Akmal</b>	<b>4</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Erti Kebebasan Kewangan</b>	<b>5</b>
<b>BAB 2</b>	<b>Mantapkan Asas Anda Dahulu</b>	<b>8</b>
<b>BAB 3</b>	<b>Memahami Rahsia Wang</b>	<b>12</b>
<b>BAB 4</b>	<b>Mendalami Perbelanjaan Keperluan Anda</b>	<b>14</b>
<b>BAB 5</b>	<b>Pekerjaan Tetap Untuk Jangka Masa Pendek</b>	<b>23</b>
<b>BAB 6</b>	<b>Rahsia Mencapai Kebebasan Kewangan</b>	<b>28</b>
<b>BAB 7</b>	<b>Pelbagai Kaedah Penjanaan Wang</b>	<b>34</b>
<b>BAB 8</b>	<b>Jana Wang Melalui Internet</b>	<b>38</b>
<b>BAB 9</b>	<b>Tsunami Wang Anda</b>	<b>66</b>
<b>BAB 10</b>	<b>Penutup Tirai</b>	<b>82</b>

# PRAKATA

Salam sejahtera kepada semua. Tahniah! Anda telah berjaya membentuk jalan pertama anda ke arah kebebasan kewangan. Samada anda sedar atau tidak, dengan membeli buku panduan ini sahaja merupakan langkah pertama dalam usaha anda untuk mencapai KEBEBASAN KEWANGAN yang anda impikan selama ini.

Saya memang telah lama berhajat besar untuk menerbitkan sebuah buku panduan lengkap di dalam Bahasa Melayu yang dapat memberikan arah tujuan sebenar untuk anda mencapai kebebasan kewangan dan melepaskan diri anda dari segala kesusahan yang anda alami selama ini. Saya sangat berharap anda dapat membaca segala isi kandungan, setiap bab, setiap ayat dan setiap patah perkataan yang saya ungkapkan dalam buku panduan ini. Jika anda tidak memahami sesuatu topik, sila ulangi kembali sehingga anda dapat memahami sepenuhnya sesuatu topik itu sebelum anda meneruskan pembacaan anda. Sesungguhnya, buku panduan ini mengandungi segala rahsia semesta alam yang disembunyikan selama ini oleh sesetengah golongan yang telah berjaya menjadi jutawan di Malaysia hari ini.

Di dalam bab-bab seterusnya, saya akan mencungkil, mengkaji dan menganalisa kehidupan anda sekarang ini. Saya akan bawakan anda ke dunia lain yang anda akan nikmati selepas ini. Apabila anda mula membaca dari satu bab ke bab yang lain, apa yang saya perlukan dari anda adalah kekuatan untuk berimajinasi. Bukan berkhayal seperti Mat Jenin tetapi berimajinasi untuk mencapai kehidupan bebas anda nanti.

Secara ringkasnya, sebelum anda memulakan perjalanan anda yang penuh rintangan ini, ingin saya nyatakan dahulu apakah sebenarnya 3 langkah itu. Ianya adalah :

1. Mengkaji Dan Menganalisa Kehidupan Anda Sekarang
2. Menetapkan Matlamat Ke Arah Kebebasan Kewangan
3. Mencapai Matlamat Itu

Saya akan ceritakan kesemuanya kepada anda mengenai rahsia kejayaan seorang jutawan di Malaysia ini. Tumpukan sepenuh perhatian anda dan marilah kita bekerjasama dalam mencapai kebebasan kewangan ini. Saya juga ingin meminta maaf jika penggunaan Bahasa Melayu saya tidak menepati cita rasa Dewan Bahasa Pustaka atau terlalu banyak menggunakan perkataan Bahasa Inggeris kerana ada banyak ungkapan dan perkataan yang hanya sesuai diterangkan dalam Bahasa Inggeris sahaja.

Sekian terima kasih dan selamat maju jaya dari mentor kebebasan kewangan anda...

Yang benar,

*Akmal*

# BAB 1

## ERTI KEBEBASAN KEWANGAN?

Adakah anda ingin menjadi seorang yang bebas kewangan? Sebelum anda menjawab pertanyaan saya ini, anda perlu duduk seketika dan memahami apakah erti sebenar kebebasan kewangan yang anda inginkan ini? Apakah sebenarnya yang anda inginkan di dalam kehidupan anda yang sementara ini? Mengumpulkan wang sebanyak yang mungkin supaya anda tidak perlu bekerja lagi atau wang untuk membayar segala hutang keliling pinggang anda. Lain orang, lainlah jawapannya. Di bawah ini, disediakan satu latihan mudah yang mungkin dapat membantu anda memahami apakah sebenarnya keperluan atau keinginan anda di dalam dunia ini.

### APAKAH PEKERJAAN IDEAL ANDA?

Cari suatu masa yang sesuai untuk anda berfikir, samada sebelum tidur atau semasa sedang berehat di rumah. Mungkin latihan ini kelihatan agak aneh, tetapi ianya akan dapat membantu anda untuk lebih memahami diri anda dengan mendalam. Bayangkan satu hari anda akan menerima wang sebanyak RM1 juta. Mulai dari saat itu, wang bukan lagi menjadi masalah kerana wang akan sentiasa datang kepada anda. Apakah sebenarnya pekerjaan yang anda betul-betul ingin lakukan? Anda mahu menjadi seorang kasanova dan duduk tanpa berbuat apa-apa sepanjang hari? Atau anda ingin menjadi seorang sukarelawan? Anda ingin menjadi seorang guru, Doktor, pengkaji sejarah, pensyarah, nelayan atau apa-apa sahaja?. Tidak ada apa yang salah. Itu sebenarnya adalah keinginan anda sendiri. Satu lagi latihan ialah, semasa anda kecil apa yang anda benar-benar impikan. Adakah anda telah mencapai apa yang anda hajati sebelum ini? Jadi mungkin setelah anda bebas kewangan itulah sebenarnya yang anda ingin lakukan di dunia ini!

Satu perkara yang hampir pasti adalah keperluan manusia yang pertama adalah **WANG**. Kerana dengan adanya wang, anda boleh melakukan apa sahaja yang anda inginkan dalam hidup ini. Ramai orang menganggap bahawa wang bukan segala-galanya, tetapi apabila masalah mula datang di dalam hidup anda, anda akan mula mula berfikir semula samada kenyataan “MONEY IS NOT EVERYTHING” patut di guna pakai. Carta berikut akan menerangkan bagaimana setiap keperluan manusia mesti ada kena mengena dengan wang. Mari kita menganalisa dan mendalami setiap keperluan asas dalam kehidupan manusia.

#	<u>KEPERLUAN HIDUP MANUSIA</u>	<u>KAITAN DENGAN KEWANGAN</u>
1.	<b>AGAMA / SPIRITUAL</b>	Kos pembinaan masjid sekarang ini melambung setiap tahun. Setiap sen yang anda dapat berikan ke masjid memang cukup bermakna!
2.	<b>CINTA</b>	Di Malaysia, anda perlukan sekurang-kurangnya RM20,000++ untuk berkahwin!
3.	<b>KELUARGA</b>	Kos untuk melahirkan anak, menghantar anak-anak ke sekolah hari ini cukup memeningkan kepala! Tidak termasuk kos kenduri-kendara anak-anak anda nanti!
4.	<b>KESIHATAN</b>	Tahukah anda kos untuk membeli perubatan naik hampir 5% tiap-tiap tahun dan kebanyakan ubat yang terbaik datang dari USA? Di masa tua anda, perkara ini akan menjadi tersangat penting!
5.	<b>ILMU</b>	Universiti bukan sesuatu yang murah! Pergi ke sekolah sekarang ini pun sudah cukup menggunakan duit yang banyak. Sanggupkah anda membiarkan anak-anak anda menjadi buta huruf? Diperli, diejek kerana konon-kononnya tidak cukup pelajaran... Semua kerana anda!
6.	<b>LAIN-LAIN</b>	<b>SEMUANYA WANG!</b>

*Money is not everything...*...tetapi berapa banyakkah yang cukup untuk anda? Adakah sejuta memadai? Adakah satu billion baru mencukupi? Ataupun memiliki sebuah Mercedes/BMW mencukupi?. Cuba latihan di bawah ini untuk memahami kembali setiap kemewahan yang anda inginkan selama ini.

### **KEMAHUAN SELALUNYA BERSIFAT SEMENTARA SAHAJA**

Pernahkah di dalam hidup anda, suatu masa dahulu mengingini sesuatu sehingga anda sanggup bekerja 24 jam bermati-matian dan menyimpan sebanyak-banyak wang supaya anda dapat memiliki sesuatu barang itu?. Contoh yang mudah, suatu masa dulu saya amat mengidamkan memiliki sebuah HiFi Tannoy, Marantz CD63SE system dan sanggup menyimpan segala wang yang saya ada untuk mendapatkannya. Tetapi setelah saya berjaya memilikinya beberapa tahun yang lalu, saya sudah mula jemu dan langsung tidak menghargainya lalu memberikannya kepada adik saya. Ada sesetengah kawan saya menjualnya umpama menjual kain buruk sahaja. Jadi, segala keinginan itu adalah bersifat sementara sahaja. Yang penting adalah keperluan hidup anda seperti kebebasan, kesenangan, kemudahan, kesihatan, kekeluargaan dan lain-lain. Jadi, adakah anda rasa berbaloi memiliki sebuah Mercedes idaman anda itu? Satu masa nanti anda akan rasa jemu dan Mercedes itu akan berubah menjadi buruk juga akhirnya.


### **KESIMPULAN BAB**

Wang sebenarnya adalah jawapan kepada masalah anda. Tetapi terlebih dahulu wang asas perlu ada untuk memenuhi keperluan asas anda dahulu sebelum yang lain-lain.

## BAB 2

# MANTAPKAN ASAS ANDA DAHULU

Sekarang anda sudah memahami bahawa anda memang memerlukan wang untuk memenuhi segala keperluan kehidupan anda. Tindakan yang salah adalah anda mesti melanjutkan pelajaran ke universiti dan memperolehi segala kemahiran dalam hidup ini supaya anda dapat wang di dunia ini. Atau anda memerlukan nasib menyebelahi diri anda ataupun anda perlu mengenali mana-mana ahli politik untuk berjaya di dalam hidup ini. Jawapan sebenarnya adalah... **IA BERGANTUNG 100% KEPADA ANDA!** Berapa ramaikah jutawan di Malaysia ini yang mempunyai sebarang ijazah? Ramai jutawan terutamanya yang berbangsa Cina boleh berjaya tanpa sebarang kaitan dengan ahli politik! Jika anda mahu menjadi kaya...anda tentu boleh. Tetapi mari kita selami apa asas-asas yang perlu ada untuk membebaskan kewangan anda. Sila lihat gambarajah berikut. Anda perlu memperkukuhkan asas-asas berikut sebelum anda melangkah ke bab yang seterusnya.



Mari kita lihat satu persatu dan cuba memahami dan mengambil langkah-langkah sertamerta dalam masa 8 hari ini untuk memantapkan atau memperbaiki diri anda berdasarkan asas-asas di atas.

### **HARI PERTAMA : ASAS KEAGAMAAN / SPIRITUAL / EMOSI**

Tidak kira sama ada anda beragama Islam, Buddha, Hindu, Christian atau apa-apa sahaja, asas ini adalah amat penting kerana ia akan memberi keseimbangan di dalam hidup anda ini. Ia juga dapat membantu anda memahami tujuan sebenar mengapa anda harus mencari kebebasan kewangan di dalam dunia ini. Jadi, cuba mulakan dari hari ini pergi ke masjid dan bersembahyang serta berdoa kepada Tuhan supaya anda dapat mencapai matlamat kebebasan kewangan anda. Ini adalah asas yang paling penting antara semuanya kerana sebanyak mana modal anda atau betapa pandai pun anda, jika emosi atau spiritual anda runtuh, semuanya akan hilang satu persatu tanpa keseimbangan di dalam hidup. Sudah banyak contoh yang kita dapat lihat di Malaysia ini seperti seorang usahawan sanggup membunuh diri semata-mata kerana hutang RM20,000 sahaja!

### **HARI KEDUA : ASAS FIZIKAL**

Ini adalah asas yang sering dilupakan. Saya ingin bertanya sesuatu. Adakah berguna jika anda mendapat segala yang di ingini berkat wang yang banyak tetapi anda tidak mempunyai kesihatan fizikal untuk menikmatinya? Adakah anda bangun setiap pagi berasa segar dari hari sebelumnya. Atau adakah anda rasa begitu letih dari hari sebelumnya? Anda perlumemberi perhatian utama kepada kesihatan anda kerana anda tidak akan dapat mencapai segala yang diceritakan dalam buku panduan ini jika anda tidak mempunyai kesihatan fizikal yang mencukupi. Mengurangkan berat badan adalah antara cara terbaik. Ikuti tips berikut. Saya bukan seorang doktor, jadi sila dapatkan nasihat pakar mengenai kesihatan anda.

#### **MEMANTAPKAN FIZIKAL**

- Langkah 1 – Berjumpa doktor dan membuat pemeriksaan fizikal.
- Langkah 2 – Kira BMI (Body Mass Index). Tanya doktor anda mengenai ini.
- Langkah 3 – Cuba kurangkan makan tetapi jangan tinggalkan makanan juga!
- Langkah 4 – Minum 8 gelas air kosong tiap-tiap hari!
- Langkah 5 – Exercise tiap-tiap hari..sekurang-kurangnya 15 minit sehari.
- Langkah 6 – Cuba berhenti merokok dan minuman keras.
- Langkah 7 – Dapatkan tidur yang secukupnya.
- Langkah 8 – Pergi bercuti dengan orang tersayang.

### **HARI KETIGA : ASAS FAMILI ATAU KELUARGA**

Apa gunanya segala kekayaan dan kuasa di dunia ini jika anda tiada sesiapa untuk berkongsi segala-galanya. Ini adalah tersangat penting dalam hidup kita.

### **HARI KEEMPAT : ASAS KEWANGAN**

Buku panduan ini memang menceritakan bagaimana untuk memperkuatkan asas kewangan anda. Jadilah seorang yang kaya-raya supaya dapat membantu agama, bangsa dan negara anda.

### **HARI KELIMA : ASAS REHAT**

Ada pepatah dalam Bahasa Inggeris yang mengatakan “All work makes Jack a dull boy!”. Bermakna anda akan cepat letih dan bosan jika anda bekerja tanpa henti sepanjang tahun. Ambil cuti dan pergi ke mana-mana sekurang-kurangnya tiap-tiap 2 bulan. Jadi pastikan anda berehat menonton Astro setelah sehari bekerja membuat duit.

### **HARI KEENAM : ASAS ILMU**

Ilmu itu penting tetapi tidak semestinya ada perlu pergi ke universiti untuk mendapatkan ilmu. Dengan membaca buku panduan mudah ini mungkin anda akan menjadi jauh lebih pandai daripada graduan-graduan Cambridge yang bekerja siang malam tanpa arah tujuan! Jadi carilah mentor dan belajar dari pengalaman dunia kerana ini lebih jauh berharga dari scroll ijazah anda itu. Pelajari Bahasa Inggeris, skill menggunakan komputer dan berbagai-bagai lagi.

#### **SUB ILMU : KEMAHIRAN BERBAHASA INGGERIS**

Saya letakkan topik ini bersama Asas Ilmu. Sepatutnya saya ingin meletakkannya sebagai suatu asas yang tersendiri sahaja. Tetapi eloklah kemahiran ini dihipunkan bersama-sama ilmu yang anda perlu kuasai.. Anda memang perlu mahir di dalam penggunaan Bahasa Inggeris kerana kebanyakan buku panduan, buku ilmu dan yang paling penting penggunaan komputer memerlukan kemahiran Bahasa Inggeris. Bahasa Inggeris adalah bahasa dunia yang kebanyakannya digunakan secara meluas dalam semua sastera di Internet. Salah satu cara untuk menjana kewangan dalam buku panduan ini adalah menggunakan Internet. Jadi memang anda tidak boleh mengelak dari menggunakan bahasa antarabangsa ini.

### **HARI KETUJUH : ASAS MENETAPKAN TIANG GOL ANDA**

Anda mesti mempunyai arah tujuan atau matlamat yang nyata dalam masa beberapa hari lagi. Dengan adanya tujuan yang cerah dan nyata anda boleh menghalakan haluan supaya tujuan anda ini akan tercapai. Anda juga boleh menumpukan lebih banyak tenaga kepada apa yang anda dapat capai di dalam gol ini. Jadi, sekiranya anda mempunyai 2 mata pencarian, anda perlu lihat yang mana satu yang akan menghasilkan kebebasan kewangan untuk anda dalam masa 6 bulan lagi.

## **HARI KELAPAN : PENGURUSAN MASA**

Masa adalah emas. Jadi jangan buang masa lagi. Duduk dan buat jadual masa harian anda. Lihat di mana anda boleh menjimatkan masa dan memastikan anda memperuntukkan masa yang khas untuk membuat duit dalam masa satu hari, contohnya anda mungkin memperuntukkan masa 20 minit sehari untuk menjalankan perniagaan Internet anda. Jangan lupa juga memberikan masa yang secukupnya untuk lain-lain aktiviti yang penting dalam hidup anda seperti bersenam, bersama keluarga, bersembahyang dan sebagainya.

Jadi, anda perlu memulakan setiap hari langkah-langkah untuk memperkuatkan dan memperbaiki asas-asas seperti di atas atau pepatah Inggeris "One Day At A Time". Jika, anda pasti anda boleh memperkuatkan asas-asas anda ini, anda sekarang sudah bersedia untuk memahami bagaimana untuk mencapai kebebasan kewangan anda.

### **KESIMPULAN BAB**

Sebelum anda menjana wang, anda mesti kuat 8 asas penting seperti di atas.

# BAB 3

## MEMAHAMI RAHSIA WANG

Anda sudah memahami dan telah memantapkan segala asas-asas anda? Jika ya, sebelum kita melangkah ke bab-bab seterusnya, mari kita dalami dan memahami rahsia wang yang nampak mudah tetapi amat penting untuk dikupas sepenuhnya kerana ia adalah kunci untuk anda membuka rahsia mencapai kebebasan kewangan ini dengan cepat. Secara ringkasnya anda perlu memahami mengenai rahsia-rahsia tentang duit ini berikut.

### **RAHSIA 1 : HARGAI WANG**

Perlu bekerja untuknya :

*Apabila anda bekerja keras, anda akan menghargai setiap sen wang anda.*

Pentingnya amalan menderma :

*Dermalah sekurang-kurangnya 10% wang anda.*

Pentingnya menyimpan :

*Simpanlah 10% selebihnya ke dalam tabung anda /bank /ASB.*

Prihatin : *Tahu dan prihatin ke mana setiap sen wang anda pergi.*

### **RAHSIA 2 : KAWAL WANG**

Bina satu sistem yang mudah untuk menyusun kewangan anda. Gunakan Excel untuk menyusun perbelanjaan anda. Secara ringkasnya, anda perlu menutup segala kebocoran dalam sistem perbelanjaan anda. Saya akan mengupas dengan lebih mendalam mengenai perbelanjaan anda dan cara-cara mudah untuk memahami dan mengatasi segala kebocoran dalam perbelanjaan anda. Ikuti latihan-latihan mudah berikut :

1. Rancang perbelanjaan anda. Hadkan perbelanjaan dan senaraikan barang-barang yang anda perlukan sahaja sebelum pergi membeli-belah dan tuliskannya di atas kertas.
2. Ambil sedikit masa untuk memantau harga pasaran dan pergi ke empat buah kedai sebelum membeli sesuatu.
3. Tawar dan cari harga terendah sedaya upaya anda.
4. Ambil resit dan minta sekiranya tidak diberikan.
5. Perhatikan resit yang diterima kerana mungkin berlaku kesilapan.
6. Kategorikan resit anda untuk perbelanjaan rumah, belanja makan dan lain-lain lagi.
7. Selalu imbangkan akaun anda.

8. Masukkan resit ke dalam fail-fail yang telah dikategorikan khas!

### **RAHSIA 3 : SIMPAN WANG**

Objektif kebebasan kewangan ini adalah untuk menyimpan segala sen yang anda dapat ketika bekerja. Simpankan wang ini untuk pelaburan yang dapat menanggung perbelanjaan masa depan anda. Setiap sen patut di kira kerana contohnya 1 sen yang anda simpan sehari akan menjadi 365 sen setahun atau RM3.65 setahun. Jika anda mendapat dividen 10%, ia akan menaik sehingga RM4 dalam masa setahun. Tidak mustahil selepas 50 tahun, 1 sen yang anda simpan tiap-tiap hari akan menjadi satu juta! Rahsia untuk menyimpan sebenarnya adalah merancang perbelanjaan anda dan meletakkan target untuk menyimpan satu jumlah sehari! Misalnya, jika anda membeli-belah di Giant/Tesco, anda boleh berjimat sekurang-kurangnya 10% dari perbelanjaan anda. Jika anda dapat membeli pack yang lebih besar, anda boleh berjimat lagi. Katakan 10% dalam RM60 yang anda belanjakan, anda dapat berjimat setiap bulan semata-mata kerana memilih Giant dari pergi ke kedai runcit biasa. RM60 setiap bulan akan menjadi RM 720 setahun. RM720 kalau dibiarkan dalam ASB, akan menjadi RM13,000 dalam masa 30 tahun. Terlalu mudah! Bayangkan tiap-tiap bulan selama 30 tahun anda dapat jimat 10%, anda sudah boleh bersara dengan mudah kerana memilih Giant dari kedai runcit anda.

### **RAHSIA 4 : LABUR WANG**

Saya akan menceritakan rahsia ini dengan lebih mendalam. Tetapi secara ringkas, letak duit anda dalam pelaburan-pelaburan seperti Amanah Saham dan lain-lain daripada meninggalkannya sahaja dalam bank akaun anda!

### **RAHSIA 5 : JANA WANG**

Dalam buku panduan ini, tumpuan khas akan diberikan bagaimana untuk menjana wang dengan menggunakan Internet. Bagaimanapun, ada pelbagai cara yang lain juga untuk menjana wang dalam mencapai matlamat kebebasan kewangan anda. Antaranya yang paling bagus dan mudah adalah melalui hartanah, pasaran saham dan bermacam-macam lagi termasuk dari pekerjaan tetap harian anda. Kami akan memberi penumpuan khas untuk mencipta kewangan cepat dengan hanya menggunakan Internet sahaja. Internet merupakan salah satu kunci untuk anda menjana pendapatan cepat anda. Kenapa anda perlu menjana kewangan dengan cepat dan tidak bergantung kepada pekerjaan anda atau simpanan KWSP anda untuk masa depan dan hari tua nanti? Jawabannya ialah anda tidak boleh membiarkan diri anda bergantung kepada syarikat/organisasi ataupun kerajaan untuk menanggung diri anda. Semua 100% bergantung kepada diri anda. Tidak ada keadilan dalam dunia ini, anda mesti mencipta keadilan anda sendiri. Jika anda tidak menguasai masa depan anda, orang lain akan mengambil alihnya daripada anda. Pada masa itu, anda akan menyesal kerana tidak mengambil langkah-langkah yang sewajarnya di awal hidup anda ini.

### **KESIMPULAN BAB**


Wang, sikit-sikit lama-lama akan menjadi bukit!

## BAB 4

# MENDALAMI PERBELANJAAN KEPERLUAN ANDA

Ini adalah bab **TERPENTING** dalam buku panduan ini. Ambil sehari atau dua untuk menganalisa & memahami sepenuhnya segala keperluan dan perbelanjaan hidup anda sekarang. Kenali perbelanjaan anda secara mendalam dan sediakan matlamat jangka pendek untuk mengawal kewangan anda dan juga jenis perbelanjaan yang anda perlu tanggung setelah anda bebas kewangan nanti. Matlamat utama anda adalah untuk sampai ke perbelanjaan optimum yang akan memastikan kebebasan kewangan dahulu dan kemudiannya perlahan-lahan anda akan dapat berbelanja dengan lebih sedikit daripada perbelanjaan asas anda itu. Ramai beranggapan bahawa kebebasan kewangan adalah mempunyai wang dan mampu berbelanja sesuka hati sahaja. Sebenarnya ia adalah kebolehan untuk menguasai dan mengawal perbelanjaan kita. Ini adalah kunci kebebasan kewangan yang sebenarnya. Kita cukup bertuah di bumi Malaysia kerana sistem ekonomi kita adalah bebas dan menghargai sesiapa yang bekerja keras untuk mencipta kejayaan.

Pertamanya, mari kita memahami konsep **hutang**. Sebenarnya, ada 2 jenis hutang iaitu hutang baik dan hutang buruk. Apakah hutang baik? Hutang baik adalah wang yang anda pinjam untuk membayar aset yang memberi pulangan sekarang dan juga di masa akan datang. Contohnya, pinjaman perumahan adalah hutang baik kerana anda akan menjual rumah itu untuk keuntungan yang jauh lebih tinggi dari bunga atas pinjaman itu. Selain daripada itu, jika anda mengambil pinjaman persendirian untuk melabur dalam perniagaan yang memberi pulangan yang lumayan, itu juga adalah hutang baik., Hutang buruk pula adalah hutang yang tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada anda dan aset akan menyusut nilai. Contoh terbaik adalah pinjaman kereta. Nilai kereta akan jatuh bila tiba masanya, dan anda akan hilang semua duit anda. Bagaimanapun, kereta memang keperluan di Malaysia, tetapi tidak perlu membeli kereta yang besar. Cukuplah sekadar yang termampu sahaja dan yang terpenting adalah anda dapat melakukan segala kerja anda dengan baik.



Mari kita mulakan dengan langkah-langkah seperti di bawah :-

### **LANGKAH 1 : MENGANALISA KOS PERBELANJAAN ANDA SEKARANG**

Ambil sehari dua untuk menganalisa segala resit-resit anda, penyata bank anda, penyata kad kredit anda atau pergi ke Giant satu hari dan analisa berapa banyak anda betul-betul berbelanja dalam sebulan. Guna Excel untuk menyenaraikan semuanya, cetak dan lekat di dinding rumah anda. Mari kita kategorikan perbelanjaan anda dari terpenting sehingga yang kurang penting seperti di bawah:

#### **1. TEMPAT BERLINDUNG**

Anda memerlukan tempat berlindung yang selesa sementara anda merancang untuk mencapai kebebasan kewangan anda ini. Ia sepatutnya sebuah rumah yang selesa dengan kemudahan Internet Streamyx dan kemudahan untuk membeli barangan keperluan harian anda. Kalau boleh yang berdekatan dengan Giant! Anda tidak perlu mencari tempat di Bangsar atau Damansara Heights. Asalkan suatu tempat yang anda dapat praktikkan segala apa yang di ajar dalam buku panduan ini sudah cukup memadai. Satu cadangan ialah mencari sebuah rumah atau apartmen di Cheras kerana ianya murah, mempunyai segala kemudahan dan berdekatan dengan Kuala Lumpur. Dan perkara yang paling utama dan terpenting ialah kalau boleh, belilah rumah tersebut. Kenapa saya berkata begitu? Saya akan menceritakan dengan lebih lanjut lagi betapa untungnya membeli rumah pertama anda dari segi kebebasan

keuangan. Cuba dapatkan pinjaman perumahan bank/kerajaan/swasta. Jika anda sedang menyewa sekarang, cuba dari sekarang mencari sebuah rumah yang boleh anda beli. Ramai mengatakan bahawa mereka tidak mampu memiliki rumah/apartmen dan akan menyewa buat sementara waktu. Selagi anda tunggu, anda akan berada dalam kerugian dan tidak dapat mencapai kebebasan kewangan anda. Saya akan memberi satu contoh bagaimana anda boleh mengaut keuntungan dari rumah anda.

**Contohnya** : Katakanlah anda menyewa sebuah apartmen di Cheras sebanyak RM600 untuk apartmen 3 bilik. Apartmen 3 bilik di Cheras sepatutnya dalam lingkungan RM 75,000 (termasuk yuran guaman & MRTA). Dengan 95% pinjaman perumahan iaitu RM 71,250 dengan bayaran pendahuluan tunai sebanyak RM 3,750 dan interest sebanyak 6% setahun, anda sepatutnya membayar bank dalam RM 427.18 sebulan. Dengan yuran maintenance sebanyak RM100, anda sudah sepatutnya dapat berjimat sebanyak RM 72.82 sebulan dan jika anda menyimpan ini semua di dalam ASB dengan 10% setahun, berapakah pulangan yang akan anda dapat dalam masa 3 tahun lagi. Mari kita anggarkan harga sebuah rumah naik dalam 20% setahun. Jika anda menjual rumah ini dalam masa 3 tahun lagi, harga rumah sepatutnya dalam RM 129,600 dan setelah ditolak prinsipal anda sepatutnya sudah untung RM 64,600 dengan hanya memilih untuk membeli rumah dari menyewa. Jika ini adalah rumah pertama anda, sepatutnya tiada capital gains tax. Saya akan menerangkan nanti bagaimana untuk menggunakan sepenuhnya duit simpanan KWSP anda untuk tujuan pembelian rumah. Bagaimanapun, mari kita ramalkan kos untuk mendapatkan tempat tinggal termasuk cukai pintu adalah **RM 550 sebulan**.

## 2. KENDERAAN

Untuk mencapai kebebasan kewangan secepat mungkin, anda perlulah membeli sebuah kereta Proton atau kereta terpakai. Proton Iswara berusia 3 tahun sepatutnya bernilai RM 24,559 sahaja. Bayaran bulanan anda sepatutnya dalam RM 313.44 sebulan. Masukkan dalam pengiraan ini, jumlah insuran tahunan anda sebanyak RM600 setahun akan menjadi RM50 sebulan. Juga, masukkan kos maintenance kereta dalam RM400 setahun akan menjadi sebanyak RM33.33 sebulan. Jumlahkan kesemua dalam **RM400 sebulan**. Memang anda boleh membeli sebuah motosikal, tetapi kereta adalah keperluan yang penting untuk membeli barangan harian dan bermacam-macam lagi.

## 3. MINYAK

Peruntukkan dalam **RM 160 sebulan** untuk minyak kereta. Lagi sekali rancang betul-betul perjalanan anda dan gunakan Bonuslink/Real Rewards setiap kali anda mengisi isi minyak. Anda juga mungkin ingin menggunakan motosikal pergi ke tempat kerja dan gunakan kereta apabila pergi untuk membeli-belah sahaja. Atau termudah pastikan anda gunakan bas atau LRT sahaja ke tempat kerja.

## 4. MAKANAN

Lagi sekali, beli secara pukal di Tesco/Giant dan cuba membeli brand Tesco/Giant sekali-sekala. Pastikan anda mempunyai sebuah boot kereta yang besar, sebuah bilik stor yang besar di rumah anda dan juga peti ais yang extra besar untuk menyimpan segala barang-barang dan nikmati penjimatanmelaluinya. Perbelanjaan

ini termasuklah kos gas memasak, membeli berus gigi, sabun mandi dan berbagai-bagai lagi. Peruntukan satu hari pergi ke pasar dan Giant dan tulis kesemua perbelanjaan anda supaya anda betul-betul tahu berapakah jumlah perbelanjaan anda dalam sebulan. Cuba letakkan belanjawan anda **RM 180 sebulan** untuk barangan harian anda dan cuba bersarapan di rumah dan membawa bekalan makanan ke pejabat. Mungkin perbelanjaan di atas lebih besar atau mungkin lebih kurang sahaja. Letakkan belanjawan keluarga anda yang sebenar untuk mengetahui kedudukan perbelanjaan sebenar anda.

#### 5. TELEFON BIMBIT

Sesuatu yang anda tidak boleh lupakan sekarang. Gunakan kad prepaid dan cuba lebihkan bersms lagi. Jumpa sahaja kawan-kawan dari sentiasa menelefon mereka. Lawat-lawat ke rumah mereka. Cuba letakkan belanjawan sebanyak **RM 30 sebulan** untuk telefon bimbit anda.

#### 6. BIL TELEKOM

Anda memerlukan talian tetap telekom ini untuk kecemasan. Bayar sewa telefon sebanyak RM 27.30 sebulan. Lagi sekali gunakan IDD kad untuk panggilan murah. Letak belanjawan sebanyak **RM30.00 sebulan**.

#### 7. BIL TNB

Cuba hidup sehari tanpa bekalan elektrik untuk satu hari dan anda memang tidak mampu hidup tanpanya. Bayar **RM 25 sebulan** untuk bil elektrik.

#### 8. AIR DAN INDAH WATER

Bayar **RM30 sebulan** untuk bil ini.

#### 9. STREAMYX

Jangan fikir dua tiga kali lagi kerana Internet merupakan cara utama yang berkesan untuk membantu anda membina dan menjana wang tanpa henti dan memberi laluan kepada anda ke seluruh dunia. Kos perkhidmatan ini adalah **RM66 sebulan** untuk mendapatkan Tmnet Streamyx. Cari kawasan rumah yang boleh menerima **Tmnet Streamyx** ini.

Itu sahaja perbelanjaan yang anda perlu untuk memenuhi kehidupan asas anda. Jadi, mari kita senaraikan kesemuanya satu persatu :

<b>No.</b>	<b>Kategori Perbelanjaan</b>	<b>Sebulan (RM)</b>	<b>% dari Perbelanjaan</b>
1.	Tempat Tinggal	550.00	37%
2.	Kereta	400.00	27%
3.	Minyak	160.00	11%
4.	Makanan	180.00	12%
5.	Telefon Bimbit	30.00	2%
6.	Bil Telekom	30.00	2%
7.	Bil TNB	25.00	2%
8.	Air dan Indah Water	30.00	2%
9.	Streamyx	66.00	4%
	<b>Subtotal Keperluan</b>	<b>1,471.00</b>	<b>100%</b>

Setelah anda jumlahkan perbelanjaan di atas, mari kita senaraikan lagi keperluan-keperluan anda yang selebihnya :

<b>No.</b>	<b>Kategori Perbelanjaan</b>	<b>Sebulan (RM)</b>	<b>% dari Perbelanjaan</b>
	<b>Subtotal Keperluan</b>	<b>1,471.00</b>	70%
10.	<b>Simpanan (RM 10 sehari)</b>	<b>300.00</b>	<b>14%</b>
11.	Insuran Hayat & Perubatan	80.00	4%
12.	Rehat & Hiburan	100.00	5%
13.	Menderma	50.00	2%
14.	Belanja Perniagaan	100.00	5%
	<b>Total Perbelanjaan</b>	<b>2,101.00</b>	<b>100%</b>

Lagi sekali, saya akan huraikan secara terperinci satu persatu seperti bawah :

#### **10. SIMPANAN**

Pastikan anda dapat menyimpan sekurang-kurangnya RM10 sehari. Ini perbelanjaan yang perlu anda lebihkan lagi sekiranya anda mendapat kenaikan gaji yang anda idamkan. Perbelanjaan yang lain sepatutnya adalah tetap dan hanya simpanan sahaja yang perlu ditambahkan lagi.

#### **11. INSURAN HAYAT & PERUBATAN**

Ini adalah takaful dan insuran perubatan sekiranya apa-apa terjadi kepada anda.

#### **12. REHAT & HIBURAN**

Anda boleh menghadkankan sedikit kategori ini tetapi anda perlu berbelanja juga. Perbelanjaan Astro boleh di kategorikan ke sini.

### 13. DERMA

Jangan lupa menderma ke masjid-masjid dan mereka yang memerlukan.

### 14. BELANJA PERNIAGAAN

Akan diterangkan selepas ini dengan lebih lanjut lagi. Contohnya, membeli buku ini adalah satu perbelanjaan perniagaan.

#### **LANGKAH 2 : MENGATUR SEGALA PERBELANJAAN ANDA**

Menyediakan sistem filing adalah mudah. Anda perlu dapatkan 14 manila fail folder dan catat nombor 1 hingga 14 bagi setiap fail. Setiap hari, terus kategorikan dan failkan segala perbelanjaan anda. Akhir bulan nanti, imbangkan akaun anda dan senaraikan kesemua perbelanjaan dan pendapatan anda. Akhirnya, anda akan mendapat baki duit yang selebihnya.

#### **LANGKAH 3 : BANDING DAN PERBAIKI**

Di akhir setiap bulan, bandingkan perbelanjaan sebenar anda dengan perbelanjaan belanjawan dan lihat di mana anda boleh memperbaiki kesilapan dalam perbelanjaan anda.

#### **LANGKAH 4 : MATLAMAT PERBELANJAAN**

Kebiasaannya, melalui pekerjaan tetap anda, anda akan mendapat gaji bulanan selepas cukai dan KWSP sebanyak RM2,100 sebulan. Jika anda tidak dapat mencapai nilai ini dengan bonus-bonus anda, anda boleh mengurangkan sesetengah perbelanjaan seperti hiburan dan pengangkutan. Tetapi tolong jangan kurangkan simpanan anda. Itu sepatutnya menjadi perhatian utama anda dalam perbelanjaan anda. Saya akan terangkan dengan lebih mendalam lagi keperluan untuk mempunyai sebuah kerja yang tetap di bab seterusnya. Lagi sekali, jika anda mempunyai gaji yang melebihi RM2,100 sebulan dan mungkin lebih, simpan yang selebihnya sehingga anda mencapai kebebasan kewangan anda. Bila tiba masa itu nanti, anda boleh mula merasai sedikit kesenangan di dalam hidup anda tetapi anda perlu tetap mengutamakan kebebasan kewangan seumur hidup anda. Lagi sekali jangan gunakan Penjana Wang yang akan saya terangkan selepas ini untuk memenuhi RM2,100 sebulan matlamat perbelanjaan anda. Kerja tetap harian anda mesti digunakan untuk memenuhi perbelanjaan keperluan anda. Segala taktik mencipta wang dalam Penjana Wang yang saya akan tunjukkan kelak harus digunakan untuk membina modal kebebasan kewangan anda. Anda mungkin berfikir agak mustahil untuk mendapat gaji tetap bulanan sebanyak RM2,100 sebulan dari kerja tetap anda. Cuba bayangkan jika kerani swasta boleh mendapat RM1,600 sebulan dengan bonus 2 bulan gaji. Itu sudah RM1,900 sebulan. Jika anda tukarkan sedikit perbelanjaan anda, anda mudah mencapai matlamat perbelanjaan ini. Jika anda campurkan dengan gaji isteri atau suami anda, matlamat ini lagi mudah dicapai. Lagi sekali ingat, mereka yang bergaji RM2,500 ke bawah tidak perlu membayar cukai. ***Matlamat RM2,100 ini adalah gaji kombinasi suami isteri!***

## **LANGKAH 5 : GUNAKAN KAD KREDIT**

Sepatutnya anda buang dan potong semua kad kredit anda dan tinggalkan satu sahaja untuk penggunaan harian anda. Sebenarnya ada banyak kelebihan menggunakan kad kredit ini dalam mencapai kebebasan kewangan anda. Cuma ramai menyalahgunakan kad kredit dengan menggunakannya melebihi dari kemampuan atau membayar lewat atau menggunakan kad kredit untuk tujuan berhutang. Nasihat saya adalah gunakan sepenuhnya kad kredit ini tetapi pastikan anda membayar penuh setiap kali menerima bil.. Juga pastikan anda menggunakan cek bertarikh masa akan datang (standing order) iaitu sebelum tarikh tamat untuk membayar supaya anda dapat menggunakan sepenuhnya sebarang dividen di dalam bank anda. Juga, jangan gunakan kad kredit anda jika ada sesiapa yang ingin mencaj anda 3% untuk menggunakannya, anda memang rugi di situ.

Ini adalah sedikit sebanyak kelebihan menggunakan kad kredit :

### **1. Dapatkan mata**

Setiap kali menggunakan kad kredit anda, anda akan mendapat mata ganjaran daripadanya. Mata ganjaran ini adalah sama dengan setiap ringgit yang anda belanjakan. Contohnya, jika anda membeli barangan keperluan harian dari Giant setiap bulan dengan membelanjakan RM180 melalui kad kredit, anda akan memperolehi 180 mata ganjaran. Perbelanjaan minyak kenderaan anda dalam RM160 sebulan, bil TNB, bil Telekom, premium Insuran, bil telefon bimbit. Jadi sebagai contohnya anda sudah dapat 571 mata ganjaran sebulan. Jadi dalam setahun, anda akan mendapat 6,852 mata ganjaran. Selalunya, tahun pertama anda tidak perlu membayar yuran tahunan. Mata ganjaran ini dapat digunakan untuk melancong atau mendapat bawcher di MPH atau lain-lain. Jadi pastikan anda sentiasa menggunakan kad kredit selagi yang anda mampu.

### **2. Untuk memantau belanjawan anda**

Simpan semua penyata dan cuba imbangkan akaun anda dengan resit. Anda juga boleh melihat perbelanjaan anda melalui Internet di zaman sekarang.

### **3. Untuk perniagaan internet anda**

Anda perlukan kad kredit untuk membeli peralatan-peralatan perniagaan di dalam Internet seperti domain name registration, hosting dan pelbagai lagi.

### **4. Kelebihan dari dividen dalam ASB**

Ramai yang tidak menyedari perkara ini. Jika anda melewatkan pembayaran, anda akan memperolehi sedikit dividen. Sebagai contohnya, jika semua wang anda berada dalam ASB sekarang. Anda bercadang untuk membeli perabot berharga RM2,000 dalam bulan itu. Anda gunakan kad kredit anda 17 Mac. Penyata kad kredit akan hanya sampai 11 April dan tarikh akhir dalam 31 April sahaja. Jadi duit yang anda dapat lewatkan dalam ASB dengan dividen sebanyak 10% adalah sebanyak RM17, wang percuma atas angin. RM17 ini jika anda letak dalam unit trust berisiko tinggi mungkin dapat

menjana wang yang banyak nanti. Anda tidak akan rugi apa-apa kerana wang RM17 ini adalah percuma! Anda akan mendapat duit untuk dilaburkan dan juga *reward point* untuk melancong semata-mata kerana menggunakan kad kredit. Pernah anda terfikir sebelum ini? ***Tetapi pastikan anda mempunyai disiplin yang teguh untuk membayar tepat pada masanya.***

### **LANGKAH 6 : GUNAKAN KEMUDAHAN PEMBAYARAN ONLINE**

Untuk membayar segala bil, gunakan pembayaran penuh melalui internet. Gunakan kemudahan pembayaran dengan kad kredit di <http://www.payonline.com.my>. Pastikan anda cetak email dan failkan segala resit-resit ini. Kaedah pembayaran melalui Internet adalah lebih cekap. Jadi gunakannya sebaik mungkin. Anda dapat jimat wang dari segi minyak dan parking untuk keluar membuat bayaran bil-bil bulanan anda.

### **LANGKAH 7 : PERABOT DAN BARANGAN ELEKTRIK**

Kita telah membincangkan sebelum ini mengenai perbelanjaan bulanan anda. Bagaimana pula dengan wang yang akan anda gunakan untuk membeli perabot dan barangan elektrik? Jika anda telah mempunyai semua ini, sila abaikan bahagian ini dan pergi ke bab seterusnya. ***Rule Number 1*** jangan gunakan pinjaman persendirian untuk membeli barangan ini. Bayar bila anda mampu menggunakan wang yang akan diajar melalui Penjana Wang di dalam buku panduan ini. Untuk pembelian rumah pertama, membeli barangan perabot dan elektrik memerlukan wang yang cukup besar. Cuba gunakan wang tunai dan membeli kesemuanya tanpa sebarang hutang. Gunakan kad kredit dan bayar bila tiba masanya nanti.. Mari kita mendalami secara terperinci satu persatu dan mulakan secara kecil-kecilan dahulu :

1. Grill besi - ini adalah keperluan yang penting pada masa sekarang. Jika anda tinggal di dalam apartmen 3 bilik, RM500 sudah mencukupi.
2. Lampu dan kipas - jangan membeli mengikut perasaan. Belanja RM 200 untuk ini sahaja.
3. Kabinet Dapur dandapur gas - Beli kabinet dapur bergerak bersama dapur gas. Keseluruhan belanja RM 200.
4. Mesin Basuh - Yang murah hanya RM 200 bukan automatik.
5. Peti Ais - Kos hanya RM 600.
6. Set bilik utama - Beli set yang murah sahaja RM600 sudah mencukupi. Anda akan mendapat sebuah kabinet TV, 2+3 sofa dan satu coffee table. Mungkin anda tidak memerlukan ini lagi sehingga anda dapat menguasai taktik mencipta wang menggunakan Penjana Wang yang akan saya tunjukkan selepas ini.
7. Set Bilik Tidur - Ada satu set bilik tidur hanya berharga RM 800.
8. Set bilik pejabat – Agak penting, supaya anda dapat menjalankan perniagaan anda melalui Penjana Wang secara lancar. Beli satu set dari Makro berharga RM300 yang merangkumi meja pejabat, kerusi, fail kabinet dan sebuah meja komputer.

Jika anda baru memulakan segalanya, anda boleh memasuki sebuah apartmen dengan hanya berbelanja RM 2,800 sahaja. Anda tidak perlu membayar ini semua sekaligus sahaja. Anda boleh membeli secara perlahan-lahan sehingga lengkap. Setelah anda mula memperolehiduit, barulag anda mula berfikir untuk menaiktaraf hidup anda sedikit demi sedikit. Boleh jadi nanti anda sudah mampu untuk membeli peti ais yang lebih besar atau boleh memasang kabinet dapur yang lebih baik..

Sekarang anda telah berjaya menganalisa perbelanjaan anda secara terperinci dan wang permulaan untuk membeli perabot, barang elektrik, komputer dan lain-lain. Anda sememangnya memerlukan sebuah pekerjaan tetap untuk menampung perbelanjaan anda semua sementara anda membina empire kebebasan kewangan anda.

### **KESIMPULAN BAB**

Anda mesti memastikan segala kos perbelanjaan ini diatur dengan baik supaya anda dapat menikmati kebebasan kewangan anda apabila anda bersara atau berhenti kerja kelak.

# BAB 5

## PEKERJAAN TETAP UNTUK JANGKA MASA PENDEK

Biar apa pun yang anda fikirkan, memiliki pekerjaan yang tetap adalah penting untuk menampung diri anda buat permulaan dan sementara waktu ini. Tetapi, janganlah beranggapan bahawa pekerjaan anda adalah jawapan terakhir atau “the final solution”. Pekerjaan anda hanyalah jawapan sementara untuk anda mencapai matlamat akhir anda. Apakah matlamat akhir anda atau final solution anda? Ya, untuk mencapai kebebasan kewangan. Anda tidak perlu risau lagi untuk mengambil cuti menghantar anak-anak pergi ke sekolah atau bimbang mengenai bil-bil bulanan dan lain-lain lagi. Anggaplah pekerjaan tetap ini sebagai tempat persediaan belajar bagi anda.

### **Sejarah Pekerjaan**

Tiada siapa yang tahu cara sebenar bagaimana pekerjaan bermula di dalam sejarah peradaban manusia.. Tetapi saya mempunyai satu teori yang juga telah diperkatakan oleh beberapa pakar sosiologi sebelum ini. Suatu masa dahulu mungkin di benua Afrika/Eropah/Asia, manusia biasa mengutip makanan dan memburu untuk kegunaan sendiri. Kemudian mereka mula belajar kaedah pertanian dan juga menangkap ikan. Suatu hari seorang kaki buli kampung yang mempunyai kekuatan dan berkuasa telah datang memberi perlindungan kepada yang lemah. Dari hari ke hari, yang kuat bertambah kuat dan yang lemah telah tertidur dan terlupa bahawa mereka sebenarnya tidak memerlukan perlindungan daripada yang kuat. Jadi sistem itu sekarang telah bertukar ke versi moden apabila anda merasa selesai dengan pekerjaan tetap anda dan tidak mahu mengambil risiko untuk mencapai kebebasan kewangan anda. Saya bukan mengatakan anda lemah kerana perlu bekerja untuk orang lain.. Sebenarnya ia menguntungkan anda juga kerana mereka memerlukan anda untuk mengikuti sistem mereka. Strategi anda adalah bekerja dalam sistem pekerjaan buat sementara waktu tetapi anda perlu menumpukan sepenuh perhatian untuk mencapai **KEBEBASAN KEWANGAN PENUH** seperti dalam rancangan anda. Sekarang, saya akan menghuraikan keuntungan mempunyai sebuah **PEKERJAAN TETAP**.

#### **1. PEKERJAAN HARIAN dapat membayar segala bil-bil**

Pekerjaan harian anda dapat membayar segala keperluan harian anda sehingga anda mencapai matlamat kebebasan kewangan anda. Jadi jangan berhenti kerja anda lagi.

#### **2. PEKERJAAN HARIAN dapat memudahkan anda mendapat pinjaman dari bank**

Anda memerlukan pekerjaan harian anda supaya Borang J dan Borang EA anda terurus. Dengan ini, anda akan lebih mudah mendapat pinjaman perumahan dan pinjaman kereta anda. Ini semua akan membantu anda mencapai matlamat kebebasan kewangan anda.

**3. PEKERJAAN HARIAN dapat membantu membina simpanan untuk modal anda.**

Anda boleh bermula dengan simpanan 10 ringgit sehari dengan gaji dari pekerjaan harian anda. Anda mesti memastikan kerja anda boleh membantu anda menyimpan wang ini.

**4. PEKERJAAN HARIAN dapat memberikan latihan**

Pekerjaan harian biasanya menyediakan anda dengan segala kemahiran berkomputer, kemahiran pejabat, kemahiran sistem, kemahiran berbincang dan bermesyuarat, kemahiran berkomunikasi dan berbagai-bagai lagi. Gunakan sepenuhnya setiap peluang yang syarikat anda hantar untuk mendapatkan sebarang kemahiran.

**5. PEKERJAAN HARIAN dapat memantapkan disiplin diri anda**

Anda perlu bangun awal setiap hari dan mengikuti jadual 8-5 sebagai rutin anda. Ini dapat menjadikan anda konsistensi dalam kehidupan anda.

**6. PEKERJAAN HARIAN dapat membina KWSP/EPF anda**

Ya, anda mungkin terfikir bahawa idea saya adalah untuk membina dan menyimpan di dalam KWSP sehingga umur anda 55 tahun kelak dan berharap dividen setahun 4.5% mencukupi di hari tua anda nanti. Sementara itu anda bebas menghabiskan segala gaji dari pekerjaan harian anda untuk memiliki sebuah kereta besar dan sebuah rumah besar. *Bukan! Buku ini bertujuan untuk mengajar anda mencapai kebebasan kewangan secepat mungkin.* Saya akan mengajar anda semua bagaimana caranya untuk menggunakan KWSP dalam mencapai kebebasan kewangan anda. Berdasarkan keadaan sekarang, kerajaan boleh menukar apa-apa polisi berkenaan KWSP. Secara ringkas, tekniknyanya adalah anda boleh mengeluarkan kesemua wang dari Akaun 2 KWSP anda untuk membiayai pinjaman perumahan anda. Kemudian anda akan dapat menjual rumah ini bersama sebarang kenaikan harga rumah untuk membina modal yang akan dimasukkan ke dalam ASB yang mana anda akan dapat menjana dividen yang lebih besar sebanyak 9-10%. Selepas itu, anda boleh membeli sebuah rumah lain yang lebih murah dan mendapatkan pinjaman perumahan lain pula.

**7. PEKERJAAN HARIAN dapat membina semangat anda**

Pekerjaan harian dapat membina semangat anda untuk mengambil risiko luar yang lebih tinggi seperti pelaburan hartanah, saham dan lain-lain lagi. Anda akan mempunyai keselamatan kewangan untuk mencuba perkara-perkara baru dan membina secara perlahan-lahan modal untuk kebebasan kewangan anda.

**8. PEKERJAAN HARIAN membolehkan anda mempunyai ramai kenalan**

Anda dapat berkenalan dengan lebih ramai lagi orang jika anda tidak bekerja tetapi anda boleh berjumpa dengan ramai orang semasa waktu pejabat. Anda

juga dibayar untuk berjumpa dan berkenalan dengan orang. Anda boleh mula menjual MLM produk anda kepada mereka dan mempelajari daripada mereka juga.

**9. PEKERJAAN HARIAN dapat memudahkan urusan dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) berkenaan hal-hal cukai**

Ini merupakan salah satu kelebihan sebelum anda mencapai kebebasan kewangan anda. Anda berpeluang untuk mendapatkan kemahiran berurusan dengan LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI di masa akan datang.

**10. PEKERJAAN HARIAN dapat memudahkan anda mendapat kad kredit.**

Saya telah menjelaskan di dalam bab sebelum ini betapa pentingnya mempunyai kad kredit.

Jadi, saya telah menerangkan di atas betapa perlunya anda mempunyai sebuah pekerjaan harian. Bagaimanapun, anda tidak perlu berasa risau mengenai bonus atau kenaikan pangkat kerana anda berada di situ adalah untuk tujuan di atas sahaja. Anda hanya perlu bersabar sehingga tiba masa itu nanti. Jadi sementara itu, buat kerja seperti biasa dan berikan yang terbaik. Pastikan anda berikan nilai anda kepada syarikat itu tetapi jangan terlalu mengharap dari mereka. Gaji anda perlulah mencukupi untuk memenuhi keperluan asas anda seperti yang telah dijelaskan dalam bab sebelum ini.

Saya telah menerangkan dengan panjang lebar mengapa anda perlukan sebuah pekerjaan harian. Alangkah bagus sekiranya anda bekerja seumur hidup dan mendapat segala kenaikan gaji dan bonus. Anda berkemungkinan mendapat duit daripada KWSP anda yang berjumlah 1 juta apabila anda berumur 55 tahun. Jika anda telah membeli buku ini, pastinya anda ingin menjadi jutawan kewangan bebas secepat yang mungkin. Jadi, jika anda mula percaya bahawa PEKERJAAN HARIAN tetap anda bagus kerana ulasan-ulasan yang saya berikan di atas, ini adalah diantara beberapa sebab anda tidak boleh bergantung kepada PEKERJAAN HARIAN anda demi keselamatan kewangan anda :

**1. PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana TIADA KEADILAN DALAM DUNIA PEKERJAAN INI**

Tiada keadilan di dalam dunia ini sekiranya anda membiarkan nasib anda di tangan orang lain. Dunia pekerjaan ini tidak sempurna, syarikat atau sesebuah organisasi sebersih mana pun, tidak ada satu pun yang sempurna!

**2. PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana SETIAP HARI ADA SYARIKAT YANG BANKRAP ATAU DIAMBIL ALIH**

Jika anda bergantung kepada satu syarikat seumur hidup, cuba anda bayangkan apa akan terjadi jika syarikat anda bankrap atau syarikat anda diambil alih. Syarikat sebesar-besar Enron atau Arthur Anderson pun boleh bankrap satu malam sahaja, inikan pula syarikat anda. Melainkan anda bekerja dengan kerajaan, itu tidak akan mendatangkan sebarang masalah. Jadi bayangkan satu hari nanti syarikat anda telah diambil alih oleh syarikat lain. Syarikat baru itu telah meletakkan matlamat untuk memotong 50% daripada segala kos perbelanjaan. Anda mungkin akan

menjadi antara orang pertama yang akan diberhentikan dengan 3 bulan gaji pampasan. Bayangkan bagaimana anda ingin membayar segala perbelanjaan keperluan anda. Jika anda berkeluarga, ini akan menimbulkan pelbagai masalah.. Anda pun sudah berumur 40 tahun, jadi siapa yang akan mengambil anda bekerja?

3. **PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana GLOBALISASI DAN KECEKAPAN AKAN MEOTONG MANA-MANA PEKERJAAN DALAM DUNIA**

Banyak syarikat berpindah dari satu tempat ke tempat yang lain di dunia ini. Bila melihat keadaan yang kurang memberangsangkan dari segi keuntungan, mereka akan pergi mencari keuntungan yang jauh lebih tinggi dengan berpindah ke tempat yang lain di mana kosnya lebih rendah.

4. **PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana POLITIK PEJABAT**

Politik ada di mana-mana sahaja begitu juga dengan pejabat anda. Lambat-laun samada anda suka atau tidak, anda juga akan menjadi mangsa keadaan ini.

5. **PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana KETAMAKAN MANUSIA**

Saya telah menerangkan sebelum ini, dunia pekerjaan tidak sempurna kerana manusia bukanlah makhluk yang sempurna.

6. **PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana BOS BERTUKAR**

Satu hari anda seorang pekerja yang terbaik tetapi untuk satu hari yang lain anda akan menjadi seorang pekerja yang terburuk di syarikat anda hanya kerana bos anda bertukar.

7. **PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana JIKA ANDA SAKIT, ANDA AKAN DI BERHENTIKAN!**

Jika anda sakit atau menghadapi masalah keluarga yang berpanjangan, lambat laun syarikat akan mencari jalan untuk anda keluar. Syarikat ditubuhkan secara khususnya untuk mencari keuntungan dan selalunya bukan untuk tujuan amal jariah.

8. **PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana ANDA HARUS BANGUN AWAL SETIAP HARI!**

Ada sesetengah hari anda langsung tidak ada mood untuk bekerja dan anda akan jauh lebih produktif bekerja pada setengah-setengah hari saja. Malangnya sistem pekerjaan selalunya tidak dapat memahami masalah anda. Ini membuatkan anda membuang masa begitu saja datang ke pejabat.

9. **PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana ANDA TIDAK MELAKUKAN APA YANG SEHARUSNYA**

Kebanyakan orang sebenarnya tidak melakukan kerja yang mereka suka. Ramai orang bekerja di sebuah syarikat semata-mata kerana nama syarikat dan keselamatan pekerjaan atau hanya untuk wang sahaja.

## **10. PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana SYARIKAT PERLU MEMOTONG KOS SETIAP TAHUN**

Syarikat-syarikat setiap tahun mahukan keuntungan yang lebih tinggi dari tahun selepasnya. Sementara kos makin meningkat setiap tahun seperti kos membayar gaji pekerja, inflasi, kos pengeluaran. Jadi syarikat terpaksa mengurangkan kos sebanyak 5% setiap tahun supaya keuntungan juga akan naik sebanyak 10% setiap tahun. Mereka akan mula befikir bagaimana cara terbaik dan paling kreatif dengan pertolongan konsultan untuk mengurangkan pekerja.

## **11. PEKERJAAN HARIAN tidak bagus kerana BIROKRASI DAN INFLASI**

Inflasi selalu naik hampir 2% setiap tahun dan barang-barang lain seperti rumah dan naik hampir 5% setahun. Tetapi gaji anda hanya naik sekadar RM50 setahun! Jadi, dari tahun ke tahun keadaan semakin lama semakin terdesak untuk anda. Kenaikan pangkat bukan perkara yang mudah, kadang-kadang selepas 10 tahun baru satu kenaikan pangkat, ini tidak akan dapat mengatasi segala kenaikan kos kehidupan kita pada era ini. Jika anda lihat bagaimana andatelah mengikuti secara mendalam dan memahami kos kehidupan keperluan anda, anda memang tahu hanya dengan gaji anda, anda tidak akan menerima pencen yang selesa di hari tua nanti.

Perlu saya terangkan lagi? Jika anda telah membeli buku panduan ini bermakna anda memang yakin bahawa anda perlu ada cara lain untuk mengatasi masalah kewangan anda dan pekerjaan seumur hidup pasti bukan jawapannya.

### **LOKASI PEKERJAAN**

Jika anda berharap bahawa kerja akan datang ke riba anda, itu memang anggapan yang salah. Anda perlu keluar mencari pekerjaan. Jika anda perlu berhijrah ke Kuala Lumpur untuk mudah mencari pekerjaan, maka anda perlu lakukan itu. Kerana Kuala Lumpur adalah tempat di mana segala pekerjaan di Malaysia berkumpul. Anda hanya perlu bekerja di Kuala Lumpur selama 3 atau 4 tahun di samping membeli sebuah apartmen di sana sebelum menjualnya dan balik ke kampung halaman anda untuk bersara.

### **KESIMPULAN BAB**

Anda perlu mempunyai pekerjaan harian yang tetap di siang hari sementara anda membina kebebasan kewangan anda waktu malam.

## BAB 6

# RAHSIA KEBEBASAN KEWANGAN

Hanya ada satu cara SAHAJA yang boleh menjamin **100% KEBEBASAN KEWANGAN ANDA**. lanya adalah melalui MODAL. Banyak yang telah diperkatakan mengenai kebebasan kewangan melalui pendapatan residual atau membuat wang dari rumah atau dari perniagaan sendiri seperti membuka kedai sendiri atau bermacam-macam lagi! Tetapi cuba anda fikirkan, hakikat sebenarnya jika anda jatuh sakit atau anda terpaksa berhenti kerja sementara waktu untuk menyelesaikan apa-apa masalah keluarga atau anda pergi melancong ke mana-mana, bukankah perniagaan dan mata pencarian anda akan terjejas nanti? Rahsia kebebasan kewangan adalah untuk menjadi seorang **PELABUR MODAL**! Bagaimana? Mudah, anda perlu membina sebanyak-banyaknya modal sehingga modal ini boleh menampung segala perbelanjaan asas anda sampai bila-bila. Tetapi bolehkah anda membina modal sebanyak itu supaya anda boleh bertahan selama-lamanya? *Tujuan buku panduan ini adalah untuk membantu anda mendapatkan modal kebebasan kewangan.*

### **LANGKAH 1 : MEMPERTAHANKAN KEBEBASAN ANDA DENGAN MODAL**

Sebenarnya anda boleh menampung segala perbelanjaan asas anda dengan secukupnya hanya menggunakan MODAL KEBEBASAN KEWANGAN yang dilaburkan ke dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB). Ya, melalui modal sebanyak RM200,000, dividen 9-10% setahun sudah memadai untuk membiayai perbelanjaan asas sebanyak RM 1,500 sampai bila-bila dan MODAL ini juga tidak akan berkurang malah sepatutnya akan bertambah lagi. Lihat contoh bagaimana jika anda sudah mempunyai modal sebanyak RM200,000 boleh membiayai sepebuhnya perbelanjaan asas RM1,500 bulanan anda. Setelah anda berjaya mencapai status bebas kewangan apabila semua perbelanjaan atau tanggungan anda dapat dibayar penuh dengan dividen ASB, barulah anda boleh bebas menggunakan segala kreativiti anda untuk mencari lebih banyak wang lagi. Modal ini adalah untuk membebaskan pemikiran kerisauan anda itu. Segala tanggungan anda sudah terjamin!

Bulan	Baki b/f	Perbelanjaan	Baki c/f	Pulangan
<b>Jan 2005</b>	<b>200,000</b>	1,500	198,500	1,654.17
Feb 2005	198,500	1,500	197,000	1,641.67
Mac 2005	197,000	1,500	195,500	1,629.17
April 2005	195,500	1,500	194,000	1,616.67
Mei 2005	194,000	1,500	192,500	1,604.17
Jun 2005	192,500	1,500	191,000	1,591.67
Julai 2005	191,000	1,500	189,500	1,579.17
Aug 2005	189,500	1,500	188,000	1,566.67

Sept 2005	188,000	1,500	186,500	1,554.17
Okt 2005	186,500	1,500	185,000	1,541.67
Nov 2005	185,000	1,500	183,500	1,529.17
Dis 2005	183,500	1,500	201,025	1,516.67
<b>Jan 2006</b>	<b>201,025</b>			

### Definisi

<b>Bulan</b>	Januari 2005 dijadikan contoh sahaja.
<b>Baki b/f</b>	Baki di bawa ke hadapan di dalam Ringgit Malaysia. Anda bermula dengan modal sebanyak RM200,000 pada permulaan tahun. Setiap bulan anda akan mengurangkan modal ini dengan perbelanjaan bulanan anda.
<b>Perbelanjaan</b>	Kita akan gunakan RM1,500 sebagai perbelanjaan bulanan anda.
<b>Baki c/f</b>	Baki disimpan di dalam Ringgit Malaysia. Ini adalah baki modal setelah menolak segala perbelanjaan. Ini akan ditolak kemudiannya sebagai baki b/f.
<b>Pulangan</b>	Ini adalah pulangan dari segi dividen 10% setahun yang anda perolehi dari pelaburan ASB di kira dalam perolehan bulanan.

### Andaian

Modal Permulaan Tahun 1		RM200,000.00
Perbelanjaan Bulanan		RM1,500.00
<b>Pulangan Setahun</b>		<b>10% setahun</b>
Jumlah Pulangan Setahun		\$19,025.00
Pulangan Purata Setiap Bulan		\$1,585.42
Modal di Tahun 2		\$201,025.00
Modal di Tahun 3		\$203,652.50
Modal di Tahun 4		\$206,542.75

## Penjelasan

Jadi, jika anda mempunyai modal sebanyak RM200,000 dilaburkan di dalam ASB yang memberi pulangan dividen sebanyak 10% setahun dan anda mengeluarkan perbelanjaan bulanan RM1,500 tiap-tiap bulan dari ASB itu, modal anda akan tetap dan bertambah sedikit setiap tahun. Pertambahan ini dapat mengatasi kadar inflasi di negara kita.

Ini bermakna anda telah mencapai kebebasan kewangan dan tidak perlu bekerja lagi seumur hidup anda.

### **LANGKAH 2 : MENGENALI PERBELANJAAN IDEAL ANDA SETELAH BERSARA**

Sebelum ini, kita telah berbincang mengenai perbelanjaan keperluan anda dan apakah perbelanjaan optimum yang sepatutnya. Di dalam contoh di atas, anda menggunakan RM1,500 sebulan sebagai matlamat perbelanjaan asas anda. Ini hanya dengan menggunakan jumlah keperluan RM 1,471 sebulan yang boleh membayar semua perbelanjaan untuk hidup dengan selesa di dunia ini. Jadi, dengan RM200,000 anda boleh membayar segala perbelanjaan asas anda itu. Wang yang selebihnya boleh diusahakan dengan pelbagai cara lain seperti melalui Internet dan lain-lain lagi. Jadi anda sudah bebas untuk melakukan apa saja yang anda mahu kerana perbelanjaan asas anda telah dibayar sepenuhnya oleh RM200,000 yang dilaburkan ke dalam ASB. Saya bukan mengatakan anda sudah boleh makan, minum, tidur sepanjang hari, tetapi anda perlulah berusaha mencari lebih banyak lagi pendapatan dalam satu hari!

### **LANGKAH 3 : APAKAH MODAL YANG ANDA PERLUKAN?**

Sekarang cuba bayangkan RM2,000 adalah jumlah wang yang anda perlu untuk mempertahankan dan membayar segala kos perbelanjaan anda setiap bulan jika anda tidak melakukan apa-apa. Berapa banyak modal yang anda perlukan untuk membiayai RM2,000 setiap bulan supaya modal anda tidak lekang? Jawapannya jika anda meletakkan RM253,000 dalam ASB yang memberi dividen 10% setahun, duit ini dapat membayar perbelanjaan RM2,000 anda setiap bulan. Anda boleh menggabungkan kuota ASB suami-isteri untuk mencapai lebih daripada had RM200,000 ASB ini.

Di bawah ini diterangkan berapa modal yang anda perlu untuk mempertahankan perbelanjaan bulanan anda :-

*Pulangan Dividen ASB adalah 10% setahun.*

<b>No.</b>	<b>Perbelanjaan Bulanan (RM)</b>	<b>Keperluan Modal (RM)</b>
1.	<b>1,500</b>	<b>200,000</b>
2.	<b>1,600</b>	<b>203,000</b>
3.	<b>1,700</b>	<b>216,000</b>
4.	<b>1,800</b>	<b>228,000</b>
5.	<b>1,900</b>	<b>241,000</b>
6.	<b>2,000</b>	<b>253,000</b>

7.	<b>2,100</b>	<b>267,000</b>
8.	<b>2,600</b>	<b>329,000</b>
9.	<b>3,000</b>	<b>381,000</b>
10.	<b>5,000</b>	<b>635,000</b>

Di atas, jika perbelanjaan bulanan anda adalah sebanyak RM3,000 sebulan, anda perlu meletak RM381,000 ke dalam ASB anda untuk mempertahankannya sampai bila-bila.

#### **LANGKAH 4 : BAGAIMANA MEMBINA MODAL DALAM MASA 3 TAHUN**

Sekarang anda sudah melihat dan mengetahui berapa modal yang anda perlukan. Jadi jika anda ingin membayar perbelanjaan bulanan anda sebanyak RM2,000, anda perlu mencari RM253,000 dalam masa 3 tahun lagi. Secara ringkasnya, anda perlu menyimpan segala gaji dari pekerjaan tetap anda ke dalam ASB mulai sekarang, menanam modal ke dalam saham-saham tertentu, menjual dan membeli rumah baru dan paling penting adalah menjana wang dari kaedah-kaedah yang akan saya terangkan secara terperinci di dalam buku panduan ini.

Lihat gambarajah bawah, mari kita anggarkan pendapatan dari gaji keluarga (suami isteri gabung) anda adalah sebanyak RM3,000 sebulan. Matlamat belanja yang anda inginkan adalah **RM2,000** sebulan. Jadi anda memerlukan **modal kebebasan kewangan** sebanyak **RM253,000** untuk memenuhi matlamat ini.


<b>No.</b>	<b>Keterangan</b>	<b>Tahun 1</b>	<b>Tahun 2</b>	<b>Tahun 3</b>	<b>Tahun 4</b>
1.	Baki bawa ke hadapan (RM)	0	48,000	115,200	274,480
2.	Dividen - 15% pa (RM)	0	7,200	17,280	41,172
3.	Simpanan dari gaji tetap (RM)	12,000	12,000	12,000	
4.	Pendapatan Kedua (RM)	36,000	48,000	60,000	
5.	Modal dari jualan rumah (RM)			70,000	
6.	Jumlah Modal (RM)	48,000	115,200	274,480	<b>315,652</b>

## **LANGKAH 5 : TENTUKAN MATLAMAT UNTUK BEBAS KEWANGAN**

Kesimpulannya, anda boleh lihat betapa mudahnya mencapai kebebasan kewangan dalam masa **3 tahun** lagi tetapi anda juga boleh mencapainya dengan lebih cepat lagi jika anda mengikuti langkah-langkah berikut :

1. Dapat pekerjaan tetap dengan **gabungan gaji suami-isteri RM3,000** sebulan selama 3 tahun.
2. **Menyimpan RM1,000 sebulan** dari pekerjaan tetap gabungan suami-isteri selama 3 tahun lagi.
3. Mengikuti **kaedah-kaedah penjanaan wang** yang akan diajar dalam buku panduan ini untuk menjana sekurang-kurangnya purata RM3,000 sebulan selama 3 tahun lagi.
4. **Melabur dalam pelaburan** yang memberi pulangan antara **10% ke 15%** selama 3 tahun lagi.
5. **Menjual rumah** anda untuk keuntungan yang berlipat ganda dalam masa 3 tahun lagi.

**BAGAIMANA ANDA BOLEH MENCAPAI  
KEBEBASAN KEWANGAN?**



# BAB 7

## PELBAGAI KAEDAH PENJANAAN WANG

Anda sudah tiba ke bab yang terpenting dalam usaha mencapai kebebasan kewangan anda. Di sinilah segala-galanya bermula. Tetapi perlu diingatkan anda perlu perkuatkan segala asas-asas kebebasan kewangan sebelum kita memasuki peringkat ini iaitu **peringkat membina wang anda**.

Sebenarnya, ada seribu satu cara untuk menjana wang di dunia ini. Ia bergantung 100% kepada kreativiti dan juga sama ada anda berani atau tidak mengambil risiko untuk melakukannya. Saya akan hanya menceritakan secara ringkas beberapa kaedah-kaedah yang berguna untuk anda melakukannya dengan cepat dan juga semasa anda berada dalam pekerjaan tetap anda. Tetapi sebelum ini mari kita belajar prinsip **Pareto** atau **Prinsip 80/20**.

Memang betul ada pelbagai cara untuk membina wang tetapi anda mesti belajar untuk memberi **keutamaan pada kaedah yang tertentu sahaja**. Saya akan menceritakan pelbagai cara untuk membina wang tetapi anda sendiri mesti bijak memilih mana yang sesuai untuk menjana wang yang paling banyak untuk anda. Secara ringkasnya **Prinsip 80/20** atau **Peraturan Pareto** telah dijumpai oleh seorang ahli sosiologi Itali lebih kurang 100 tahun dahulu. Dia mengatakan bahawa 80% perkara yang kita lakukan adalah sebenarnya tidak penting manakala 20% perkara yang kita lakukan itu yang sebenarnya kritikal. Jadi sebenarnya hanya 20% usaha kita yang akan mendatangkan 80% pendapatan kita. Ia juga boleh dibuktikan dengan contoh bahawa 80% kekayaan negara terletak di tangan 20% populasi sahaja. Juga, 20% dari negara-negara kaya dunia menguasai lebih dari 80% kekayaan dunia! Jadi saya akan memberi cadangan dan rancangan bagaimana untuk memberikan keutamaan segala usaha-usaha anda. Sebelum itu mari kita lihat antara kaedah-kaedah menjana wang yang boleh anda gunakan.

### **KAEDAH 1 – MELABUR DALAM SAHAM DAN UNIT TRUST**

Jika anda berani, ini adalah cara termudah untuk melakukannya. Cuma anda perlu meletakkan sedikit sahaja wang ke dalam pelaburan saham ini. Buku panduan ini tidak akan memberikan penumpuan kepada kaedah ini. Ada pelbagai lagi sumber-sumber yang jauh lebih canggih dalam menerangkan kaedah ini. Cuma satu sahaja yang anda perlu untuk memulakan penjana wang daripada kaedah ini. Anda memerlukan wang sebagai modal untuk permulaan. Jadi saya tidak akan menyentuh mengenai kaedah ini. Cadangan saya adalah untuk meletakkan sedikit yang anda dalam mana-mana unit trust yang berisiko tinggi untuk jangka panjang. Kemungkinan wang ini dapat memberikan pulangan antara 20% ke 30%. Jumpa mana-mana agen unit trust untuk mendapatkan maklumat yang lebih terperinci mengenai pelaburan berisiko tinggi ini.

*Inilah cerita saya :*

Mulai 1999, saya telah mula menyimpan RM1,000 dari gaji saya. RM500 saya masukkan ke dalam ASB. Pulangan dalam 9-10% setahun sahaja. RM500 telah saya masukkan ke dalam Public Bank unit trust. RM250 ke dalam risiko rendah, RM250 ke dalam risiko tinggi. Keseluruhannya, saya telah berjaya memperolehi 20% keuntungan purata setiap tahun. Jadi dengan RM1,000 saya telah berjaya mencapai **pulangan purata sebanyak 15% setahun** dari pelbagai pelaburan.

## **KAEDAH 2 – HARTANAH**

Ini cara termudah dan cara pertama yang patut anda gunakan untuk menjana wang. Rumah anda sekarang adalah senjata untuk anda mencapai kebebasan kewangan anda. Anda patut menetapkan matlamat untuk menjual rumah itu bersama-sama **Akaun 2 KWSP** yang terkumpul dan merancang untuk berpindah ke kawasan lain yang lebih murah dan juga berpatutan. Misalnya, anda boleh membeli sebuah rumah dengan harga yang sedikit tinggi kerana anda mengetahui kawasan ini berpotensi tinggi dan berdekatan dengan tempat kerja anda seperti di Mutiara Damansara dan menjualnya selepas 3 tahun dan berpindah ke kawasan seperti Puchong/Seremban/Rawang! Ada pelbagai sumber maklumat yang boleh diperolehi sama ada dari Azizi Ali dan lain-lain yang juga telah saya muatkan dalam CD yang dikepilkan bersama buku panduan ini. Saya tidak akan menyentuh banyak mengenai kaedah ini kerana ada banyak lagi bahan-bahan yang saya masukkan bersama-sama buku panduan ini yang menerangkan dengan lebih terperinci lagi. Tetapi caranya mudah sahaja, beli sebuah apartmen yang anda sendiri duduki dalam lokasi yang paling dekat dengan Kuala Lumpur dan jualnya selepas 4 tahun dan pindah ke luar bandar!

Hanya gambaran tentang apa yang anda perlu lakukan sebagai langkah pertama untuk menjana wang anda. Saya sendiri telah mencapai kebebasan kewangan saya melalui hartanah.

*Inilah cerita saya :*

Saya telah membeli sebuah apartmen yang murah di Taman Desa yang hanya berharga RM90,000 pada tahun 1999. Ia memang dekat dengan Kuala Lumpur. Ada kemudahan bas untuk saya pergi kerja ke tengah Kuala Lumpur. Kawasan itu juga mempunyai kemudahan Internet Streamyx dan juga berdekatan dengan Carefour Mid Valley. Saya hanya perlu membayar ke bank sebanyak RM480 bulan-bulan. Pada tahun 2003, saya telah berjaya menjual apartmen tersebut dengan harga RM170,000. Baki pinjaman perumahan saya hanya tinggal RM75,000 sahaja. Jadi keseluruhannya saya untung sebanyak RM95,000! Semasa saya hendak menjual apartmen itu, saya juga dapat mengeluarkan sekali wang dari Akaun 2 KWSP yang terkumpul sebanyak RM20,000. Keseluruhannya saya dapat modal sebanyak RM115,000 dari penjualan apartmen saya di Taman Desa itu. Kemudian apa yang saya lakukan? Saya telah membeli sebuah rumah corner lot 2-tingkat yang besar di Seremban 2, bernilai hampir RM150,000. Bayaran bulanan saya ke Maybank hanya RM700 sebulan. Saya juga tidak perlu bekerja lagi selepas itu!

### **KAEDAH 3 – MENJUAL MAKLUMAT**

Ini adalah rahsia yang tidak diketahui ramai. Anda sebenarnya boleh membuat duit atas angin dengan hanya menjual maklumat yang berguna kepada orang ramai. Mungkin anda terfikir hanya ahli-ahli akademik terpelajar sahaja yang boleh menulis sebuah buku panduan yang boleh membantu orang ramai. Jawapannya tidak, sesiapa sahaja boleh menulis apa-apa. Asalkan ia mudah difahami oleh sesiapa yang membacanya dan yang paling penting segala sumber datang dari diri anda sendiri juga. Pengalaman dan sejarah hidup anda adalah sumber yang terbaik kerana ia adalah kisah benar yang juga boleh dimanfaatkan oleh orang lain. Anda juga mungkin terfikir yang anda perlu mempunyai modal yang besar dan juga kenalan dalam MPH, penerbit, pencetak, pengarang dan bermacam-macam lagi, tetapi realitinya anda boleh menjualnya terus dengan hanya mengiklankannya di akhbar harian. Lagi sekali buku panduan ini tidak akan menerangkan secara terperinci bagaimana untuk membuat duit dengan cara ini. Tetapi inilah satu-satunya cara terbaik untuk membina modal anda dan menjana pendapatan sambil dengan hanya menggunakan pemikiran anda sahaja.

*Inilah cerita saya :*

Pada tahun 2004, saya telah mencapai kebebasan kewangan penuh. Jadi daripada hanya menceritakan kepada dua tiga orang kawan saya, saya pun iklankan di internet dan menjual maklumat bagaimana saya telah melakukannya di dalam buku panduan ini. Memang duit yang cukup mudah iaitu menceritakan tentang pengalaman hidup kita kepada orang lain.

### **KAEDAH 4 – MLM / JUALAN LANGSUNG / MENJUAL INSURAN**

Ini memerlukan sedikit tenaga dan masa untuk menjayakannya dan anda perlu menebalkan muka untuk melakukannya. Memang ramai telah melakukan dengan jayanya, mengapa anda tidak? Ia juga merupakan tempat latihan percuma untuk menjual apa-apa yang terbaik. Saya tidak akan menceritakan dengan panjang lebar mengenai topik ini, apa yang anda perlu lakukan adalah mencari seorang mentor atau upline yang akan menceritakan segalanya kepada anda.

### **KAEDAH 5 – INTERNET**

Inilah rahsia membina wang di zaman ini yang sebenarnya ramai yang tidak tahu. Ada ramai orang telah membina wang dari internet, menjana pendapatan dalam US dollars dari rumah dengan memakai baju tidur sahaja.

Saya ada masukkan sekali 1001 bahan-bahan bacaan dalam format *softcopy* bersama-sama buku panduan ini yang dapat menerangkan segala-gala maklumat untuk menjana wang dari Internet. Salah satu panduan yang cukup bagus dan bertepatan untuk pasaran Malaysia adalah ***“90 Days To Financial Freedom in Malaysia”***. Ya, buku ini adalah terbitan dalam Bahasa Inggeris tetapi untuk menjana wang dengan jayanya dengan menggunakan komputer dan Internet, anda memang perlu mahir dalam Bahasa Inggeris. Saya telah menerangkan secara terperinci di dalam bab sebelumnya mengapa Bahasa Inggeris itu penting. Jadi inilah masanya untuk menggunakan kemahiran Bahasa Inggeris anda untuk membina wang “atas angin” dari Internet di bilik tidur anda sahaja. Pastikan anda membaca buku panduan Bahasa Inggeris ini kerana ia

mengandungi maklumat lengkap serta terperinci bagaimana untuk memulakan perniagaan Internet dari bilik tidur anda tanpa memerlukan sebarang modal atau pinjaman perniagaan. Hanya dua perkara penting yang saya minta iaitu anda perlu mahir dalam Bahasa Inggeris dan kemahiran mengendalikan komputer. Jadi anda perlu mengeluarkan sedikit wang untuk pergi menjalani latihan Bahasa Inggeris dan latihan penggunaan komputer. Kemahiran-kemahiran ini juga boleh digunakan dalam pekerjaan tetap anda yang juga akan mendatangkan gaji yang lebih tinggi. Tahukah anda betapa sukarnya mencari pekerja yang mampu menggunakan komputer di pasaran sekarang. Jika anda sudah membaca segala sastera yang dimuatkan dalam CD itu, anda akan mengetahui bahawa rahsia untuk menjana wang dalam Internet sebenarnya adalah melalui pemasaran produk orang lain dan juga Jualan Langsung internet.

Saya akan menceritakan segala teknik di dalam bab yang seterusnya.

### **KAEDAH 6 – MENJUAL E-BOOK**

Ya, saya akan dedikasikan satu bab bagaimana anda dapat menjana wang yang lumayan dengan menjual e-book saya melalui internet. Kos untuk menjual e-book saya ini adalah PERCUMA. Anda hanya perlu dedikasikan sekurang-kurangnya 30 minit dari masa anda sehari. Komisen yang anda perolehi adalah **RM20** bagi setiap jualan e-book ini. Jika anda berjaya menjual 2 e-book sehari, pendapatan anda sudah sepatutnya berjumlah RM1,200 sebulan.

### **KESIMPULAN BAB**

Ada pelbagai kaedah untuk menjana wang bulanan anda. Hanya tumpu kepada kaedah yang mudah dan tidak memerlukan banyak wang serta berisiko rendah seperti Internet dan menjual e-book ini.

# BAB 8

## JANA WANG MELALUI INTERNET

Kita telah sampai ke bab yang cukup kritikal di dalam buku panduan ini iaitu bagaimana menjana wang melalui internet. Bab ini bukan bertujuan untuk mengajar anda bagaimana menggunakan Internet atau bagaimana untuk membuat halaman web anda sendiri. Ada banyak lagi buku-buku yang dijual di pasaran mengajar mengenai perkara-perkara itu. Tetapi saya akan mengajar cara untuk terus menjana wang ie. direct to the point. Sebelum itu saya ingin memohon maaf kerana terlalu menggunakan Bahasa Inggeris di dalam penerangan saya, tetapi bahasa Internet adalah sebenarnya hampir 99.99% di dalam Bahasa Inggeris.

Saya juga akan menceritakan segala skil yang anda perlukan. Strategi yang anda perlu susun. Infrastruktur untuk membolehkan anda menjana wang melalui Internet dari rumah tanpa batasan. Saya juga akan sedikit sebanyak menceritakan penguasaan emosi, psychology dan disiplin yang tinggi di dalam perniagaan Internet ini.

### Apakah Itu Internet?

lanya adalah peralatan yang menghubungkan semua manusia di dunia ini dalam sepintas waktu sahaja dari rumah anda. Bermakna perkara-perkara yang mustahil dahulunya sekarang sudah boleh di lakukan tanpa keluar dari rumah anda.

### Kenapa Internet?

Kesimpulannya, ini adalah mengapa anda perlu menggunakan Internet untuk menjana wang bagi tujuan kebebasan kewangan anda :-

1. *Pasaran Dunia* – Pasaran anda adalah kepada 605.60 juta pengguna internet seluruh dunia, dari bilik tidur anda sahaja. Dan setiap hari makin ramai akan mula menggunakan internet.
2. *Kos Yang Rendah* – Modal untuk memulakan perniagaan tradisional seperti restoran adalah terlalu tinggi. Jadi risiko perniagaan adalah rendah. Anda hanya perlukan sebuah komputer dan talian telefon untuk memulakan perniagaan internet anda. Mari saya tunjuk perbandingan anda perniagaan nyata/tradisional dan perniagaan internet. Mari kita bandingkan dengan membuka sebuah restoran di Keramat.

<b>Details</b>	<b>Traditional</b>	<b>Internet</b>
Modal untuk perabot, peralatan masak, cat dan lain-lain lagi.	RM30,000	RM0
Komputer, printer dan scanner	RM2,000	RM2,000
Sewa rumah kedai (Setahun)	RM12,000	RM0
Gaji pekerja	RM24,000	RM0
Kos iklan	RM5,000	RM0
Lain-lain termasuk lesen perniagaan, bil elektrik, air dan lain	RM2,000	RM0
<b>Jumlah Modal</b>	<b>RM75,000</b>	<b>RM2,000</b>
Pendapatan Setahun	RM 72,000	RM 72,000
Masa Sehari	10 jam	2 jam

\* Pendapatan restoran RM200 sehari. *(Tradisional)*

\* Pendapatan affiliate jual B-book 10 buku sehari. *(Internet)*

3. *Masa* – Anda boleh lakukan perniagaan 24 jam sehari 7 hari seminggu bila-bila masa sahaja. Anda pilih sendiri masa yang paling produktif untuk anda.
4. *Bekerja dari mana-mana* – Anda boleh membawa laptop anda dan masuk internet dari mana-mana untuk menjalankan perniagaan anda.
5. *Pendapatan pasif* – Segala-galanya adalah automatik. Anda tidak perlu lakukan apa-apa sangat.
6. *Tidak perlu berjumpa sesiapa* – Ramai gagal di dalam perniagaan seperti Amway kerana terlalu banyak pertemuan dengan ramai orang hingga mereka naik jemu dan letih. Terlalu banyak masa dihabiskan untuk tujuan ini.
7. *Perbezaan Gaji Yang Besar Di Dunia* – Bermakna anda boleh menjual barangan yang boleh di beli dengan murah di Malaysia dan dijual dengan harga yang tinggi di Eropah atau Amerika Syarikat hanya melalui Internet dari rumah anda sahaja.

## Apa Yang Perlu Anda Lakukan Dahulu?

### 1. Komputer

Anda perlukan sebuah komputer yang bagus dan boleh di percayai. Nasihat saya adalah membeli komputer jenama Dell. Juga pastikan ada CD-writer dan juga printer. Mungkin anda perlukan **RM2,000** kesemuanya.

### 2. Perisian Komputer

Pergi ke Plaza Low Yuat dan beli berikut :-

- a. Windows XP Professional
- b. Norton Antivirus yang terbaru
- c. Office XP
- d. Winzip
- e. WSFTP
- f. Adobe Photoshop
- g. Adobe Acrobat
- h. Program Anti Sypware
- i. Dan lain-lain lagi

### 3. Streamyx

Pergi ke <http://isp.tm.net.my> dan ambil akses internet Streamyx ke rumah anda. Anda perlukan internet laju tanpa batasan supaya tiada halangan untuk anda duduk di depan PC untuk membuat beribu-ribu ringgit. Jadi jangan kedekut kerana anda akan membuat duit dari akses ini. Hanya perlu membayar installation fee RM80 dan bulanan sebanyak RM66.

#### **4. Kemudahan Perabot**

Ini penting kerana anda akan menghabiskan masa antara 1 ke 2 jam sehari menghadap komputer. Jadi ini mesti betul-betul selesa supaya anda tidak akan ada batasan dalam menjana wang di Internet.

#### **5. Bilik Khas**

Sediakan satu bilik khas untuk Internet sahaja dan pastikan anda tidak di ganggu semasa membuat kerja Internet anda.

#### **6. Sediakan File**

Supaya data, password anda semua tersusun dan tidak kelam-kabut.

#### **7. Sediakan MIC dan Speaker**

Beli MIC dan Speaker supaya anda mudah berkomunikasi dengan rakan-rakan niaga Internet, pelanggan, kawan-kawan dan lain-lain lagi.

#### **8. Pastikan telefon boleh dipakai**

Pastikan anda ada line telekom.

#### **9. Dapatkan IDD calling card**

Supaya anda boleh membuat panggilan luar negeri secara murah terutamanya ke UK dan USA.

#### **10. Dapatkan perisian faks**

Install perisian fax di dalam PC anda supaya dapat menghantar fax terus dari komputer. Kalau ada modal yang lebih sedikit, anda boleh membeli sebuah mesin faks.

#### **11. Dapatkan TV atau Mini Hifi**

Supaya anda boleh mengikuti segala berita mutakhir melalui CNN, CNBC, Bloomberg dan BBC. Pastikan jika Sept 11 terjadi lagi sekali, anda yang pertama mengetahui mengenainya.

#### **12. Dapatkan Jam Dinding**

Beli 4 jam dinding dan lekat di dinding dengan masa LA, New York, London dan Kuala Lumpur. Juga beli sebuah peta dunia dan lekatkan dalam bilik kerja anda.

#### **13. Peralatan Pejabat**

Pastikan bilik kerja anda mempunyai segala peralatan pejabat yang mencukupi. Ini adalah perniagaan anda yang serious, pastikan ia beroperasi seperti sebuah pejabat.

#### 14. Pergi Kelas Komputer

Ambil kursus komputer, Internet dan Office.

#### 15. Dapatkan Kad Kredit

Sama ada Visa atau Mastercard untuk digunakan bagi perniagaan Internet anda.

Jadi, berapa yang anda perlukan :

Item	Modal (RM)
Komputer	2,000
Streamyx	917
Perabut	700
Kursus Komputer	500
<b>Jumlah Modal</b>	<b>4,117</b>

Jika anda sudah mempunyai komputer dan sebuah bilik yang khas dengan segala kelengkapan tersedia bermakna anda boleh terus melakukan perniagaan. Bagaimanapun, pergi ke kedai Telekom sekarang dan dapatkan Streamyx. Kalau tidak boleh pindah rumah untuk mendapatkan Internet secepat-mungkin.

Senarai di atas adalah terperinci dan mengandungi segala peralatan yang diperlukan untuk memulakan perniagaan Internet. Bayangkan perniagaan ini seperti perniagaan betul-betul dan bilik kerja anda adalah ibu pejabat perniagaan anda dengan segala kelengkapan untuk memulakan perniagaan. Bilik kerja ini akan menjadi nadi pelan peperangan anda.

#### **Minda Seorang Ahli Perniagaan Internet**

Anda perlu ubah pemikiran anda dari yang sedia kala. Perniagaan Internet ini adalah jauh berbeza dengan dunia biasa. Anda mesti berfikir out of the box dan berpendirian bahawa **Nothing Is Impossible**. Berikut antara perubahan minda yang anda perlu lakukan secepat mungkin :

1. **Tetapkan Hala Tujuan** – anda perlu menetapkan set hala tujuan yang jelas di dalam perniagaan Internet ini. Katakanlah anda berhajat untuk membina RM5,000 sebulan dari Internet sahaja. Jadi anda perlu bermati-matian di Internet hingga anda mencapai matlamat ini.
2. **Faktor Emosi** – anda akan sangkut berjam-jam di depan PC sepanjang hari. Pastikan anda masih lagi hidup dalam dunia realiti. Ini termasuk menghabiskan masa dengan orang tersayang atau keluar melawat sanak-saudara dan bermacam-macam lagi.
3. **Berehat** – seperti yang saya sudah terangkan sebelum ini. Pastikan anda tetapkan masa yang secukupnya setiap hari untuk berehat menonton TV atau berjalan-jalan makan angin. Contohnya, pastikan diri anda memasuki Internet dalam pukul 8:30 malam. Selepas 2 jam, pergi berehat, makan-makan dan bermacam-macam lagi.

4. **Jadual Waktu** – Tetapkan jadual waktu yang tepat berdasarkan prinsip 80/20. Kita akan tetapkan satu jadual yang khas untuk anda selepas ini.
5. **Prinsip 80/20** – Seperi yang telah dijelaskan sebelum ini. Beri penumpuan kepada aktiviti yang benar-benar mendatangkan hasil dengan usaha yang paling sedikit.
6. **Displin** – sama seperti apa-apa yang lain. Anda perlu ada disiplin diri yang tinggi. Anda mesti konsisten setiap hari memasuki Internet jam 8:30 malam.
7. **Jam Biologi** – ikut jam biasa dan tidur pada masa yang sepatutnya sama seperti orang lain.
8. **Sabar dan Komitmen Masa** – kejayaan tidak akan datang sekelip mata. Anda perlu bersabar. Sikit-sikit lama-lama menjadi bukit.
9. **Perlukan Wang Untuk Menjana Wang** – anda perlu melabur sedikit wang supaya mendapat wang. Tetapi wang ini sudah tentu tidak sebanyak jika anda mahu membuka restoran.
10. **Free Your Mind** – Bebaskan pemikiran anda. Tiada yang mustahil di dalam dunia Internet atau cyberscape. Semuanya bergantung kepada anda.
11. **Mengambil Risiko** – anda perlu mengambil sedikit risiko tetapi tidaklah setinggi kalau membuat perniagaan biasa.
12. **Sentiasa Belajar** – Internet berubah setiap hari. Anda perlu sentiasa belajar mengasah skill Internet anda.

### Asas Sebelum Melayari Internet

#### 1. Akaun Email

Anda memerlukan sebuah akaun email untuk berkomunikasi dengan sesiapa. Langkah pertama anda adalah untuk mendaftar akaun email percuma seperti **Yahoo**. Pergi ke <http://mail.yahoo.com> dan mendaftar untuk sekurang-kurangnya satu email. Kalau boleh jangan gunakan email akaun tmnet atau streamyx untuk melakukan apa-apa kerana jika email itu sudah di SPAM atau dihantar junk email, anda perlu cepat bertukar email.

#### 2. Search Engines

Mahir dan selalu guna **Google**. Ini mungkin search engine yang terbaik sekarang. Ini juga mesti merupakan permulaan sebelum anda ke mana-mana di Internet. Pastikan anda menetapkan default page Internet Explorer and ke <http://google.com>. Untuk mencari apa-apa gunakan Google. Saya akan banyak meminta anda menggunakan Google di buku panduan ini.

#### 3. Keahlian Email Tsunami Wang

Jika anda telah membeli ebook ini, maka sepatutnya email anda sudah di masukkan

ke dalam mailing list saya. Saya akan update anda dengan segala maklumat terkini bagaimana menjana wang di Internet.

#### 4. **US Mail Drop Service**

Saya akan menceritakan selepas ini bagaimana untuk menjana wang yang begitu banyak dengan hanya mempromosi barangan orang lain dengan menggunakan Clickbank. Bagaimanapun, kita di Malaysia tidak dapat mendaftar sebagai ahli kecuali mempunyai alamat tetap di Amerika Syarikat. Cadangan saya kepada anda adalah untuk membuka sebuah peti surat di Amerika Syarikat yang dapat menerima segala cek dalam US dollars dan di hantar ke alamat anda di Malaysia ini. Cek ini anda boleh tunaikan di Maybank. Bukan itu sahaja, memang banyak kelebihan mempunyai alamat tetap di Amerika Syarikat ini. Anda boleh memasuki pelbagai program menjana wang yang memerlukan anda menjadi penduduk tetap Amerika Syarikat. Pergi ke <http://www.usabox.com/> untuk lebih banyak maklumat bagaimana untuk membuka peti surat anda. Mungkin anda perlu melabur sedikit wang untuk membuka satu peti surat di sana.

### **Mula Jana Wang Di Internet Sekarang**

Sekarang anda boleh mula menjana wang. Saya akan berikan rating kesusahan dan juga modal yang di perlukan. Ini juga sebagai guide kepada anda untuk menetapkan rancangan berasaskan prinsip 80/20.

Now you can start making money. I've also given my own rating to difficulty to success and capital required. This is as a guide for setting your 80/20 principle.

#### 1. **Membeli Dan Menjual Barangan Nyata**

Rating 4 dari 10

Ada pelbagai barangan anda boleh jual di Internet. Anda boleh setup sebuah kedai internet dan mempromosi barangan anda melalui Internet. Anda boleh gunakan <http://CCNnow.com> untuk menjual barangan anda. Ia adalah shopping cart provider yang automatik. Anda juga boleh gunakan Paypal. Bagaimanapun, anda perlu keluarkan semua wang di US bank akaun. Jadi ini merupakan masalah kepada sesiapa yang ingin menggunakan Paypal di Malaysia. Ada pelbagai barangan yang anda boleh jual kepada dunia. Penghantaran adalah melalui Pos Laju. Antara barangan Malaysia yang anda boleh jual kepada dunia adalah seperti berikut :

1. Barang Herba – Tongkat Ali hanya berharga RM10 sebotol, anda boleh senang – senang menjualnya untuk US\$10 sebotol termasuk penghantaran;
2. Baju T-shirt – Beli di pasar malam dengan harga RM10 dan jual di USA dengan harga US\$10;
3. Buku – beli buku 2<sup>nd</sup> hand dan jual ke seluruh dunia.
4. Lukisan;

5. Batik;
6. Kulit kerang;
7. Wang lama;
8. Buku-buku panduan seperti ini;
9. Bermacam-macam lagi...

Bagaimanapun, anda memerlukan banyak usaha untuk membeli barangan ini dan melakukan pembungkusan sebelum menjual.

Anda juga boleh menjual apa-apa barangan di <http://ebay.com>. Saya akan menceritakan dengan lebih lanjut lagi mengenai Ebay selepas ini.

## 2. **Mencipta Dan Menjual Barangan Virtual**

Rating 7 dari 10

Barangan virtual yang anda boleh cipta dan jual adalah seperti berikut :

### a. **Barangan Pengetahuan**

Anda boleh menjual barangan digital seperti e-books. Ia boleh di cipta mudah dengan menulis segala-galanya dengan Microsoft Word kemudian di pindah ke dalam format PDF dengan menggunakan Adobe Acrobat. Tulis segala pengalaman anda mengenai apa-apa topik dan cuba jualnya melalui Internet. Lagi sekali anda boleh gunakan <http://paypal.com> untuk menjualnya dan menerima wang anda. Anda boleh senaraikan produk anda di <http://ebay.com> atau melalui tactic promosi internet yang akan saya ceritakan selepas ini.

Rating 7 dari 10

### b. **Keahlian**

Ini lebih susah kerana memerlukan banyak pengetahuan programming komputer. Anda boleh berikan akses ke halaman web anda untuk mendapatkan maklumat yang anda ingin jual. Saya tidak berapa galakkan kaedah ini.

Rating 1 dari 10

## 3. **Jadi Affiliate Dan Promosi Program**

Rating 10 dari 10

Ini adalah kaedah termudah dan yang paling menguntungkan. Anda hanya perlu mempromosi barangan atau halaman web orang lain untuk mendapatkan komisen jika sebarang jualan dapat di lakukan. Sebenarnya ada banyak program affiliate di Internet hari ini. Mungkin yang paling terkenal dan yang paling berjaya adalah

